

Suhu laut naik, terumbu karang negara alami kelunturan teruk

UM 24/06/24 M/S 4

PETALING JAYA: Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) mengesahkan terumbu karang di negara ini sedang mengalami kelunturan besar-besaran.

DOF memaklumkan, tinjauan yang dijalankan dari April hingga Jun lebih 50 peratus terumbu karang, khususnya di Kepulauan Taman Laut terjejas oleh kelunturan akibat peningkatan suhu permukaan laut.

Katanya, ia melibatkan Pulau Payar (Kedah), Pulau Perhentian, Pulau Redang, Pulau Tenggol (Terengganu), Pulau Tioman (Pahang) dan Pulau Pemanggil (Johor).

"Kebanyakan terumbu yang

terjejas berada di perairan cetek kurang daripada 10 meter. Tapak ini sedang dipantau rapi oleh DOF dan pelbagai pihak untuk mengetahui perubahan dalam situasi kelunturan."

"DOF juga telah bekerjasama dengan wakil dari Sabah, dan Sarawak, penyelidik tempatan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) untuk menubuhkan Malaysia Coral Bleaching Response Committee (MCBRC) bagi mengumpul maklumat dan mengambil tindakan terhadap kelunturan karang."

"Jika kelunturan melebihi 80 peratus, tindakan intervensi lanjut pengurusan mungkin dilakukan ter-

masuk sekatan akses sementara untuk melindungi terumbu yang terjejas," katanya dalam satu kenyataan.

Terdahulu, sejak awal tahun ini, US National Oceanic and Atmospheric Administration (NOAA) telah mengeluarkan pemberitahuan 'Tinjauan Pelunturan' untuk Malaysia, yang menunjukkan suhu permukaan laut melebihi purata dan potensi tekanan terhadap terumbu karang.

Sebagai tindak balas, DOF mengeluarkan amaran pada 1 April lalu, kepada semua Pejabat Perikanan Negeri untuk memantau keadaan terumbu dan melaporkan tanda-tanda kelunturan karang.